





Format Laporan Tahunan PSS Tahun 2011

1. Kulit (lencana sekolah / alamat sekolah)
2. Senarai isi kandungan
3. Pendahuluan (kata aluan)
4. Biodata
5. Status PSS
6. Carta organisasi Induk PSS
7. Carta organisasi AJK Kerja
8. Carta organisasi AJK Nilam
9. Carta organisasi AJK Pengawas PSS
10. Objektif / matlamat / visi / piagam
11. Laporan aktiviti PSS (Tahunan)
12. Laporan Minggu PSS (Bulan PSS)
13. Laporan Program Khas
14. Laporan Nilam
15. Graf / Analisa PSS (pinjaman buku /bukan buku)
16. Senarai Anugerah Tokoh Pembaca
17. Penyata Kewangan Tahunan
18. Perancangan aktiviti tahun semasa
19. Carta gantt
20. Penutup



Kursus Asas Pengurusan PSS

- a) PSS SKAS telah menganjurkan Kursus Asas Pengurusan untuk pengawas PSS yang baru dilantik sesi 2011.
- b) Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada Pengawas PSS yang baru dilantik tentang cara mengurus Pusat Sumber Sekolah dengan cara yang berkesan. Para peserta kursus telah didedahkan berkaitan pengurusan dan pentadbiran PSS, pengurusan NILAM, Sistem Fail, proses teknik bahan buku dan bukan buku dan pengkelasan indeks bahan.
- c) Seramai 36 peserta telah berjaya menghadiri kursus pada kali ini dan diharapkan selepas ini para peserta akan mendapat pendedahan yang secukupnya bagi membatu pengurusan dan pentadbiran PSS di sekolah.







Majlis Perlantikan Pengawas PSS 2011

- a) Seramai 36 orang murid yang terdiri daripada murid tahun 4, 5 dan 6 telah menerima watakah pelantikan Pengawas Pusat Sumber Sekolah sesi 2011.



- b) Majlis telah disempurnakan oleh Penolong Kanan Pentadbiran, Encik Muhammad Yunos bin Koming di majlis perhimpunan rasmi sekolah di dewan. Beliau mengucapkan tahniah kepada murid Tahun 3 yang terpilih sebagai Pengawas Pusat Sumber Sesi 2011 dan menasihati mereka untuk menjalankan tugas dengan baik.

- c) Ketua Pengawas PSS ialah Muhammad Amirul Mukminin bin Jabidi (6B) manakala Penolong Ketua Pengawas PSS ialah Fatin Najwa bt Abdul Majid (6A)



Minggu Orientasi PSS untuk murid tahun 4

- a) GPM telah mengadakan orientasi PSS kepada murid-murid khususnya Tahun 4 dan murid baru tentang penggunaan PSS dengan berkesan.
- b) Antara lain, murid-murid didedahkan dengan maklumat tentang waktu PSS dibuka, cara meminjam dan memulang bahan, cara mencari bahan bacaan, cara menggunakan Kampus Astro, peraturan-peraturan di PSS.
- c) Murid-murid juga diperkenalkan dengan AJK Induk dan Kerja PSS, AJK Pengawas PSS dan pembantu PSS untuk memudahkan urusan menggunakan perkhidmatan di PSS.




Mesyuarat GPM

- a) Mesyuarat GPM telah dilaksanakan di PKG Kamunting, d/a SK bukit Jana, Kamunting. PTP memaklumkan bahawa tugas GPM tahun 2011 adalah masih dibawah PKG, BTPN dan BTP
- b) PTP memaklumkan senarai sekolah-sekolah yang akan dibuat pemantauan bagi tahun 2011. GPM diminta mengenalpasti tarikh pemantauan dan jika ada pertindihan boleh dibuat pindaan.
- c) PTP membentangkan laporan aktiviti 2010, laporan IQ-PSS dan i-Nilam.

Laporan SKT 2011

- PKG membentangkan laporan SKT bagi PSS untuk tindakan GPM dan PKG
 - Menyenaraikan pemantauan ke sekolah dan instrument pemantauan yang akan digunakan.
 - Menjelaskan item yang hendak dipantau
 - Sekolah diminta menyediakan instrument dalam IQ-PSS sebagai rujukan pemantauan
- Bagi sekolah yang terlibat dengan pemantauan diminta bersedia dengan dokumen yang lengkap.



Kursus Pengucapan Awam 3P Nilam dan Deklarasi Pengucapan Awam Terbesar Malaysia.

- a) Kursus ini dihadiri oleh GPM setiap sekolah di Daerah Larut Matang dan Selama. Kursus sehari ini diadakan di SARATAS Taiping pada peringkat pengenalan. Seramai 4 orang murid yang layak akan menyertai pertandingan yang bakal diadakan.
- b) Pengucapan Awam penting kerana ia merupakan salah satu aspek yang dinilai dalam pemilihan Tokoh Nilam.
- c) Semua GPM didedahkan cara menjalankan aktiviti ini di sekolah masing-masing khususnya kepada murid-murid yang berpotensi melayakkan diri ke pemilihan Tokoh Nilam peringkat zon seterusnya daerah dan ke peringkat Negeri Perak.
- d) Salah seorang peserta SKAS berjaya mendapat tempat ketiga berkumpulan dalam pertandingan ini.



Bengkel Penguasaan dan Penggunaan Eduwebtv

- a) PKG Kamunting mengadakan bengkel Eduweb TV khusus kepada GPM dalam usaha memperkasakan penggunaan Eduweb TV kepada semua guru di sekolah kelompok.
- b) Dalam usaha meningkatkan penggunaan Eduweb TV sebagaimana peranan yang dimainkan oleh KPM dengan membekalkan TV 42” dan DVD Player sebagai bahan sokongan kepada Eduweb TV, PKG mengadakan bengkel ini sebagai satu usaha meningkatkan penggunaan eduweb TV dengan lebih berkesan.
- c) GPM diberi pendedahan dan pengenalan mengenai eduweb TV versi 2.0. Antara lain setiap GPM yang baru dikehendaki mendaftarkan diri sebagai pengguna eduweb TV yang sah bagi menyediakan penggunaan kepada pelajar.
- d) Setiap guru yang telah berjaya memasuki eduweb TV dikehendaki menyenaraikan playlist mengikut kesesuaian dan diseragam peringkat sekolah bagi memudahkan pelajar masuk dan menggunakan eduweb TV sebagaimana yang dihasratkan. Semua video yang dimuat turun dikehendaki disenaraikan dalam playlist dan arahan mesti diberikan dengan jelas dalam setiap playlist yang disenaraikan.
- e) Pemilihan video yang dimuat turun mestilah mengikut matapelajaran yang digunakan. Ini bagi mengelakkan pelajar terkeliru semasa membuat pilihan. GPB boleh membuat editing/suntingan ke atas video yang dimuat turun bersesuaian dengan matapelajaran yang di ajar. Penghasilan bahan P&P ini boleh disenaraikan dalam playlist.



